

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR  
PESTA KENYALANG EDISI KEDUA 2010  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Yang Berhormat Encik Bolkiah Hj. Ismail  
Pembantu Menteri,  
Kementerian Pelancongan Kebudayaan Dan Alam Sekitar  
Negeri Sabah

Yang berusaha Dr. Andika Aziz Husin,  
Pegawai Penyelaras Kebudayaan Hal Ehwal Pelajar dan Akademik,

Saudara Azhar bin Harun,  
Wakil Majlis Perwakilan Pelajar UMS

Thipan Shanmugam  
Exco Kebudayaan dan Kesenian  
Majlis Perwakilan Pelajar UMS

Bismillahirrahmannirrahim  
Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya, Universiti Malaysia Sabah sekali lagi dapat menganjurkan Pesta Kenyalang Edisi Kedua. Kita juga sangat beruntung, kerana pada pesta ini, Yang Berhormat Encik Bolkiah ada bersama-sama dengan kita bagi meraikan pesta ini sekaligus merasmikan majlis ini sebentar sahaja lagi.

Kami sangat berterima kasih atas kehadiran Yang Berhormat kerana walaupun mempunyai jadual tugas harian yang ketat beliau tetap sudi meluangkan masa bersama-sama dengan kita pada malam ini.

Para hadirin sekalian,

Penganjuran Pesta Kenyalang ini bersesuaian sekali dengan temanya iaitu "Kepelbagaian Budaya Mengintegrasikan Mahasiswa 1 Malaysia". Ini kerana penganjuran pesta ini adalah bertujuan memperkenalkan dan memaparkan keunikan, kesenian dan kebudayaan yang dimiliki oleh pelbagai etnik di negeri Sarawak kepada masyarakat luar khususnya yang berasal daripada luar negeri bumi kenyalang ini.

Sememangnya, Kita sedia maklum bahawa sekiranya perpecahan antara kaum berlaku, ini boleh menyebabkan perpaduan di negara kita semakin lenyap. Oleh itu, penganjuran program seperti ini amat penting agar pemahaman tentang tradisi dan kepercayaan kaum lain dapat dicapai. Di samping itu, program ini juga dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim serta memperkukuhkan lagi perpaduan di antara mahasiswa dan mahasiswi dengan masyarakat luar melalui komunikasi dan komitmen yang terjalin.

Selain itu, objektif pesta ini adalah sebagai landasan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia amnya dan mahasiswa mahasiswi khususnya melalui kebudayaan. Saya difahamkan bahawa bukan sahaja warga UMS yang menyertai Pesta Kenyalang Edisi Kedua ini, malah warga IPT lain turut bersama-sama memeriahkan pesta ini baik melalui persembahan mahupun penonton. Terima kasih atas sokongan semua IPT.

Para hadirin sekalian,

Penganjuran Pesta ini juga boleh dijadikan sebagai medium penerapan kemahiran insaniah dan menarik lebih ramai Mahasiswa dan mahasiswi dalam pengurusan berorganisasi. Saya berharap semua jawatankuasa akan menggunakan segala pengalaman yang dimiliki sepanjang mengikuti program ini sebagai persiapan menempuhi kehidupan di masa hadapan yang lebih mencabar.

Saya percaya, ianya juga akan dapat memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa mahasiswa serta menyemai perasaan untuk terus mempertahankan keunikan seni dan budaya yang membawa kita megah di persada dunia dengan identiti yang tersendiri.

Tinggi harapan saya agar program ini akan dapat memberikan gambaran dan pemahaman mahasiswa mahasiswi tentang seni dan budaya negara khasnya masyarakat di negeri Sarawak. Di samping ingin melahirkan warga IPT yang cemerlang, gemilang dan terbilang, kita juga perlu melahirkan warga yang bangga dan cinta akan seni budaya asal negara sendiri.

Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jawatankuasa yang berusaha memastikan penganjuran program ini berjalan dengan lancar. Semoga segala usaha murni ini akan dapat membantu melahirkan masyarakat yang berjasa kepada bangsa dan negara.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Encik Bolkiah atas kesudian untuk hadir bersama-sama dengan kita pada majlis ini. Saya pasti, kehadiran Yang Berhormat akan menyerikan lagi majlis pada malam ini.

Sekian, terima kasih.